



**YUSRI...lihat jasad abang kembar bergelimpangan**

**PILU...Taty (kiri) tidak dapat menahan kesedihan.**

# Sebatang kara

Pasukan penyelamat temui mayat ibu, harapan anak tunggal berkecai

## Terpinga-pinga ketika gegaran

**Kembara rawan tanah adat**

**C**EMAS namun menggelikan hati apabila puluhan wartawan termasuk wakil media Indonesia bertempuran lari menyelamatkan diri dari dalam hotel selepas berlaku gegaran gempa bumi susulan di Padang, malam kelmarin.

Agak melucukan apabila saya dan jurugambar, Efen-dy Rashid hanya terpinga-pinga di lobi hotel apabila melihat penghuni bergegas melarikan diri tanpa pakaian lengkap bersama bagasi masing-masing.

Saya yang menyangka penghuni keluar ke hadapan hotel untuk melihat kemalangan jaya raya atau

Saya yang turut khawatir sempat menghubungi telefon bimbit Ketua Informasi Gempa, Jaya Murjaya sebelum diberitahu gempa susulan itu tidak perlu dibimbangkan.

Dia yang mudah memberi kerjasama kepada wartawan memberitahu, tanpa disedari 659 gempa bumi kecil dikesan berlaku dalam tempoh lima hari sejak gempa bumi sekuat 7.6 skala Richter meranapkan Padang, Sumatera Barat.

Walaupun pengalaman itu menakutkan, namun tugas dan tanggungjawab tetap dipikul untuk menyampaikan berita bencana terus dari Padang melenyapkan ketakutan.

Ternyata bermacam cabaran perlu ditempuhi kelompok wartawan ketika mem-

## Gempa Di Padang



**P**ADANG: Bola matanya kemerahan dan sedaya upaya cuba menahan air mata daripada menitis, namun gadis malang ini terpaksa menerima hakikat ibu kandungnya sudah tiada kerana tertimbus dalam runtuhannya Hotel Ambacang akibat gempa bumi.

Taty Besriza, 23, yang ditemui di perkarangan bilik mayat Hospital M Djamil di sini, tengah hari semalam, beberapa kali cuba menahan air mata daripada terus membasahi pipi, namun akhirnya terpaksa melepaskan perasaan dengan meraung kesedihan kerana kehilangan orang paling disayanginya.

Justeru, dalam sekelip mata, anak tunggal dalam keluarganya itu kini bergelar yatim piatu dan terpaksa meneruskan sisa hidup dalam keadaan sebatang kara.

Dalam tragedi itu, ibunya, Fatimah Adena, 50, maut akibat ditimpa konkrit ketika menginap di hotel lima bintang berkenaan bagi menghadiri bengkel dan seminar anjuran sebuah syarikat insurans terkemuka.

Bagaimanapun, mayat ibu tunggal yang kematian suami sejak beberapa tahun lalu gagal dikeluarkan sejak hotel yang turut menjadi tumpuan pelancong Malaysia itu, runtuh akibat gempa bumi berukuran 7.6 pada skala Richter, petang 30 Oktober lalu.

Mayat mangsa hanya di-



**RANAP...kerja pembersihan di Hotel Ambacang, semalam.**

keluarkan pasukan penyelamat kira-kira 11 malam kelmarin.

Sejak lima hari kerja mencari dan menyelamat dijalankan di hotel berkenaan, Taty hanya terdaya menanti sambil berdoa supaya ibunya dapat dibawa keluar dalam keadaan selamat.

Penantian mendebarakan lima hari itu, bagaimanapun punah apabila pasukan penyelamat menemui mayat Fatimah dalam keadaan tubuh berkecai dan putus di beberapa bahagian.

Taty yang akrab dengan ibunya, cuba menahan tangisan dengan menutup mulutnya berulang kali, namun ia belum cukup untuk meredakan kesedihan.

Biarpun dipujuk saudara

terdekat supaya menerima takdir Illahi, Taty hanya mampu menggigil sambil menyebut nama ibunya berulang kali.

Menurutnya, dia terlalu sedih kerana tidak sempat memohon maaf daripada ibunya, malah kalau boleh mahu mati bersama ibunya.

Sementara itu, seorang penghuni Hotel Ambacang yang terselamat dan ditemui di Hospital M Djamil, tidak dapat menahan kesedihan ketika menuntut jenazah abangnya yang mati tertimbus.

Yusri Jai, 34, yang cuba menahan kesedihan, berkata dia masih tidak dapat menerima hakikat kematian abang kembarnya, Yusra Jai yang maut dihempap runtuhannya

hotel. Menurutnya, abangnya itu ditemui terbujur kaku bersama puluhan mangsa lain di tingkat tiga hotel berkenaan, malam kelmarin.

"Saya melihat jasad abang kembar bergelimpangan bersama puluhan mangsa lain. Namun, saya yang sempat melarikan diri dari runtuhannya gagal berbuat apa-apa untuk menyelamatkannya," katanya.

Difahamkan, ketika kejadian, dua kembar berkenaan mengikuti kursus di bilik seminar hotel terbabit sebelum gempa melanda.

"Walaupun mayatnya sudah reput dan hampir tidak mempunyai wajah, saya dapat mengenali identitinya melalui jam tangan dan baju dipakainya," katanya sambil mengeluh panjang.

Ternyata bau busuk mayat yang menusuk di sekitar bilik mayat terbabit cukup untuk menceritakan jumlah mayat mangsa gempa yang terlantar dan belum dituntut keluarannya sehingga kini.

Puluhan ahli keluarga mangsa hadir untuk melakukan pengecaman selepas kebanyakan mayat terbabit siap dibedah siasat pihak hospital.

Difahamkan, 154 mangsa lagi yang terkorban dihempap Hotel Ambacang sudah ditemui semalam, dengan 113 daripada mereka kakitangan kerajaan dan swasta yang menghadiri seminar.

Bagaimanapun, tinjauan Harian Metro mendapati longgokan mayat mangsa yang tersepit dalam hotel berkenaan masih gagal dikeluarkan berikutan dihalang runtuhannya tiang konkrit dan besi cerucuk.

pergaduhan, mula menyedari sesuatu tidak kena apabila lampu antik di siling hotel bergoyang-goyang.

Ketika itu baru saya menyedari berlaku gempa bumi selepas beberapa pekerja hotel menjerit perkataan 'gompo' berulang kali kepada saya yang masih terpacu di sofa.

Tanpa berfikir panjang, saya segera mencapai komputer riba yang sedang digunakan sebelum melangkah ke halaman hotel.

Mungkin kerana belum pernah merasai gempa bumi menyebabkan daya sensitiviti kami terhadap bencana ini terlalu lemah.

Difahamkan gempa bumi susulan terbabit yang berkekuatan 5.1 skala Richter berlaku tepat jam 7.51 malam waktu tempatan (8.51 waktu Malaysia) berpusat di 62 kilometer di barat daya Pariaman.

Biarpun tidak mencetuskan kerosakan atau tsunami, ia sudah cukup untuk membuat warga Padang yang masih trauma akibat gempa bumi Rabu minggu lalu, panik sebelum berlari menyelamatkan diri ke kawasan tinggi.

buat liputan bencana terutama ketika membuat liputan gempa bumi di kawasan pedalaman Lubuk Laweh, Tandikek dan Pariaman.

Tanah runtuh yang berlaku menyebabkan saya dan jurugambar terpaksa berjalan sambil membawa peralatan kamera dan telefon satelit hampir dua kilometer.

Perjalanan memakan masa lebih satu jam berkenaan menyebabkan wartawan Berita Harian, Ifwan Tun Tuah dan wartawan New Straits Times, Alang Bendahara beberapa kali tergoles jatuh ketika melalui banjaran bukit untuk sampai di kawasan tragedi.

Lebih mengerikan apabila wartawan perlu berjalan melalui denai hutan di puncak bukit setinggi lebih 500 meter yang dihimpit kesan runtuhannya tanah di kiri dan kanan laluan.

Ketika itu terlintas di fikiran apa akan berlaku sekiranya tebing bukit terbabit yang sudah runtuh menimbusi 64 rumah dan sebuah masjid di bawahnya dalam gempa Rabu lalu, tiba-tiba runtuh. - **Mohd Jamilul Anbia Md Denin**



**ROSAK...pelajar sekolah di Kota Padang membersihkan kelas mereka yang rosak.**